

SIHAT

METRO AHAD 18/08/2019

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN

TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 8269

EMEL: laila@mediaprima.com.my

MIS 52



KAWAL SEMULA HIDUP

Multiple sclerosis penyakit neurologi autoimun penyebab keradangan sistem saraf pusat

PESAKIT MS,
Nur Atiqah
berjalan
sambil dibantu
ibunya, Kasma.

Zaitie Satibi

zaisa@hmetro.com.my

Kebimbangan seorang ibu melihat satu-satu anak gadisnya yang secara tiba-tiba mengalami masalah kesihatan apabila mata hitam sentiasa bergerak-gerak tanpa dapat dikawal, selain kerap pening, manakala pergerakan tidak seimbang meningkatkan pengetahuannya terhadap sejenis penyakit saraf dikenali 'multiple sclerosis' (MS).

Sebagai bekas jururawat, naluri Kasma Mohamed Noor, 63, tidak silap mengatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan Nur Atiqah Samsudin

yang ketika itu berusia 18 tahun sebelum dibawa menjalani pemeriksaan kesihatan di pusat perubatan swasta.

Hampir setahun Nur Atiqah menjalani pelbagai ujian bagi mengesan penyakit dihadapi sehingga menyebabkan rutin hariannya terganggu, malah kehidupannya juga tidak lagi normal apabila perlu dibantu terutama untuk bergerak dan menguruskan keperluan diri, namun misteri penyakit yang dihidapi tidak terungkai.

"Segala persoalan terhadap apa yang dialami Nur Atiqah bermula pada 2009 akhirnya terjawab selepas dia dibawa menemui Pakar Perunding

Neurologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Shanti Viswanathan, yang juga doktor pelawat di satu hospital di Ipoh, Perak.

"Selepas pemeriksaan dan ujian, Nur Atiqah didiagnosis sebagai penghidap MS dan dengan bantuan pakar neurologi berkenaan dia kini menerima rawatan DMT. Rawatan ini sedikit sebanyak membantu anak saya untuk mengawal semula hidupnya dan meningkatkan kualiti kehidupannya," katanya.

Kasma dan Nur Atiqah ditemui pada sesi bicara kesihatan kempen Dunia Melawan MS sempena Hari MS Sedunia anjuran syarikat farmaseutikal Sanofi, baru-baru ini. Turut hadir

Dr Shanti dan Ketua Unit Perniagaan Genzyme, Sanofi Thailand, Malaysia dan Singapura, Quek Wee Ling.

Kempen itu sebagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai MS, di samping memperkasakan pesakit untuk menambah baik kualiti hidup menerusi pilihan rawatan yang sewajarnya dan pendidikan.

MS ialah sejenis penyakit neurologi autoimun yang menyebabkan keradangan sistem saraf pusat. Sistem imun menyerang mielin iaitu lapisan perlindungan yang menyelaputi serat saraf.

Serangan ini menyebabkan radang dan tisu berparut lalu menyukarkan otak


menghantar isyarat kepada bahagian lain badan. Secara beransur-ansur, MS menyebabkan kemerosotan otak seterusnya menimbulkan kerosakan mental dan kehilangan upaya dari segi fizikal.

Penyakit ini dialami kira-kira 2.5 juta orang di seluruh dunia dan turut menjejaskan seramai 767 rakyat Malaysia dengan 59.4 peratus daripadanya berbangsa Melayu, 20.5 peratus (India), 16.6 peratus (Cina) dan 3.5 peratus (Orang Asli).

MS juga lebih kerap dialami oleh wanita berbanding lelaki. Malah, wanita mempunyai kebarangkalian lima kali lebih tinggi menghidap

MULTIPLE SCLEROSIS

MS 53



MS berbanding lelaki. Kebanyakan orang mula mengalami gejalanya antara usia 19 dan 39 tahun.

Menceritakan semula pengalaman menjaga anak yang disahkan mengalami penyakit yang tiada penawar, Kasma berkata, beliau bersyukur kerana pengalaman pekerjaannya dahulu banyak membantu terutama dalam memberi sokongan moral berikutan emosi mereka sekeluarga menjadi cabaran utama.

“Nur Atiqah masih terlalu muda dan banyak lagi yang ingin dicapai dalam hidupnya. Sebaik disahkan menghidap MS, sudah tentu emosinya terganggu. Namun, saya dan suami, Samsudin Abdullah, 65, berusaha melakukan yang terbaik untuk anak tunggal kami.

“Pada peringkat awal sebelum penyakitnya dikesan, Nut Atiqah sering mengadu sakit kepala dan kami sangkakan ia adalah migrain. Kemudian, dia mengadu sebelah anak matanya bergerak-gerak sendiri dan tidak lama itu kedua-dua belah pula.

“Selepas beberapa bulan, langkahnya mula tidak stabil apabila kerap terjatuh, terlanggar dinding atau pintu

dalam perubahan dalam keupayaan fizikal. Pesakit digalakkan untuk mematuhi rawatan dan jika corak penyakit semakin teruk, mereka perlu berunding dengan doktor untuk mencari pilihan alternatif. Penggunaan ubat perlu digabungkan dengan amalan gaya hidup aktif dan diet untuk menangani komorbiditi dan gejala MS.

“Ramai pesakit MS diberikan diagnosis yang tidak tepat kerana tanda-tanda tertentu mungkin kurang jelas atau serupa keadaan lain. Anda perlu memantau dan menerangkan jenis dan corak gejala secara terperinci kepada doktor atau pakar neurologi.

“Jika anda disahkan menghidap MS, kaji dan bincangkan pilihan rawatan dengan doktor anda. Bukti semasa menunjukkan bahawa pengesanan awal dan rawatan DMT yang mengubah suai penyakit penting untuk mengelakkan penyakit berulang dan kehilangan upaya bertambah teruk yang memberi kesan ketara terhadap kualiti hidup pesakit,” katanya.

Nur Atiqah, 30, pula tidak menjadikan MS sebagai penghalang untuk dia mengejar cita-citanya sebagai penulis yang pada awalnya disangkakan tidak dapat dicapai berikutan keadaan penyakit yang menyerang fungsi saraf dan melemahkan fizikalnya.

“Pada 2014 saya berupaya mengembara sendirian ke Osaka dan Kyoto, Jepun untuk mencari ilham penulisan novel pertama. Biarpun sedar penyakit dialami membataskan pergerakan, saya perlu mencabar kemampuan diri demi meluaskan impian sejak kecil.

“Dalam kepayahan, saya bersyukur semua yang dirancang berjalan lancar dan setahun kemudian novel pertama berbahasa Inggeris berjudul Bound: HIStory dengan nama pena Scarlet Storm berhasil diterbitkan.

“Selagi masih diberikan peluang untuk berkarya, saya akan terus menghasilkan penulisan kreatif dan kini giat menyiapkan skrip drama,” katanya yang bernasib baik kerana mendapat sokongan keluarga dan rakan.

akibat masalah penglihatan. Kini, selepas 11 tahun Nur Atiqah sudah membiasakan diri dengan keadaannya. Tambah lagi, rawatan berkala yang diterima amat membantu,” katanya yang menetap di Taiping.

GEJALA TIDAK BOLEH DIRAMAL


Sementara itu, Dr Shanti berkata, gejala MS tidak boleh diramalkan dan berbeza-beza dengan ketara antara pesakit dari semasa ke semasa. Antara gejala umum ialah kebas, sensasi tidak normal, kelemahan, masalah pergerakan, vertigo, masalah penglihatan dan kesakitan tahap ringan



hingga teruk.

MS juga mempengaruhi emosi seseorang menyebabkan ketidakstabilan perasaan secara khususnya kemurungan, keresahan, gangguan penyesuaian, gangguan bipolar dan psikosis.

Bagi pesakit MS, mereka perlu mempelajari mengenai penyakit dan berbincang dengan pakar kesihatan jika mereka tidak mampu menahan kesan sampingan dengan baik, mengalami penyakit yang berulang, mendapati gejala bertambah teruk



KEMPEN Dunia Melawan MS dirasmikan Quek (kiri), Nur Atiqah (dua kanan) dan Dr Shanti (kanan).